

Anwar saran keperluan sistem kewangan serantau

Jakarta: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan keperluan kepada sebuah sistem kewangan serantau yang mampu menangani ketidakpastian dalam ekonomi sejagat dan risiko kewangan, selain mampu meningkatkan kebebasan ekonomi serantau dan jaringan keselamatan.

Berucap pada Sidang Kemuncak ASEAN Campur Tiga Ke-26, beliau juga menyuarakan kebimbangan mengenai keterjaminan makanan dan gesaan untuk meningkatkan kerjasama dalam pertanian pintar, terutama tumpuan kepada pekebun kecil.

Anwar juga menggesa kerjasama dengan China, Jepun serta Korea Selatan dalam pembangunan tenaga boleh diperbaharui,

aset kepelbagaian biologi dan aplikasi teknologi pertanian.

Beliau juga menyambut baik penerimgunaan Kenyataan Pemimpin ASEAN Campur Tiga terhadap Pembangunan Ekosistem Kenderaan Elektrik.

Mesyuarat itu dihadiri Perdana Menteri China, Li Qiang, Perdana Menteri Jepun, Fumio Kishida, Presiden Korea Selatan, Yoon Suk Yeol dan dipimpin Presiden Indonesia, Joko Widodo.

Anwar mengetuai delegasi Malaysia pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-43 yang berakhir hari ini. Ia sidang kemuncak pertama beliau dengan rakan dialog ASEAN, iaitu Australia, China, Jepun, India, Korea Selatan, Amerika Syarikat dan Kanada.

Sementara itu, Anwar turut mencadangkan kerjasama selanjutnya dengan Amerika Syarikat (AS) menerusi tumpuan terhadap kerjasama ekonomi yang lebih mendalam melalui perjanjian kerangka pelaburan dan perdagangan serta libat urus ekonomi yang meluas.

Tegas beliau, pentingnya menyokong pelaburan langsung asing, mengembangkan perusahaannya mikro, kecil dan sederhana ke peringkat antarabangsa, mempromosi pertumbuhan hijau untuk kemampanan iklim dan memastikan penggunaan sumber yang cekap dan keterjaminan makanan.

Cadangan Perdana Menteri dikemukakan pada Sidang Kemuncak ASEAN-AS Ke-11, diarahkan Naib Presiden AS, Kamala

Harris dan dipimpin Joko Widodo.

Dalam dunia digitalisasi, beliau menggalakkan AS supaya bekerjasama dengan ASEAN untuk memajukan transformasi digital di rantau ini, meliputi kesalinghubungan infrastruktur digital 5G, selain daripada peraturan dan dasar data digital.

Mengenai tenaga pula, Anwar berkata, ASEAN menyasarkan menjana 23 peratus tenaga primer daripada tenaga boleh diperbaharui menjelang 2025 dan berusaha mendapatkan sokongan AS untuk mencapai sasaran itu.

Malaysia juga menyambut baik Perkongsian Strategik Komprehensif AS, terutama ucapan pemimpin pada sidang

kemuncak itu untuk memajukan Pandangan ASEAN terhadap Indo-Pasifik pada sidang kemuncak ini berkenaan.

“Ini amat penting untuk negara yang komited kepada prinsip demokrasi dan bertanggungjawab,” katanya.

Pada Sidang Kemuncak ASEAN-Kanada yang dihadiri Justin Trudeau, Anwar berkata, Kanada adalah rakan yang sangat boleh diharapkan dan menyatakan Trudeau sememangnya amat peka terhadap pendirian ASEAN seiring rakan sekutunya dari Barat.

“Justeru, kami berminat kerjasama selanjutnya dalam bidang ini, termasuk Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Kanada dan isu perubahan iklim,” katanya.